# LAMPIRAN

## SOAL SELIDIK

Satu Tinjauan Tentang Persepsi Guru-guru Terhadap

Penyeliaan Pengajaran Di Sekolah

Guru-guru yang dihormati,

Tujuan kajian ini ialah untuk meninjau sejauh mana persepsi guru-guru terhadap penyeliaan pengajaran oleh penyelia. Kerjasama guru-guru amat dihargai untuk menjawab soalan soal selidik ini. Penyelidik memerlukan jawapan yang jujur dan ikhlas daripada guru-guru. Segala maklum balas soal selidik ini adalah dianggap sulit dan hanya untuk kajian di peringkat Universiti Malaya sahaja.

Di atas kerjasama dan sumbangan yang guru-guru berikan, penyelidik mengucapkan ribuan terima kasih.

Yang benar,

(ZAINUDDIN B. MUHAMMAD)
Pelajar Sarjana Pendidikan
Perancangan dan Pentadbiran Pendidikan
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya
Kuala Lumpur.

## Soalan Soal Selidik

## Bahagian I (Maklumat Diri)

Arahan : Sila bulatkan pilihan sesuai.

1. Jantina

   a. Lelaki

   b. Perempuan

2. Bangsa

   a. Melayu

   b. Cina

   c. India

   d. Lain-lain

3. Umur

   a. 20 - 29 tahun

   b. 30 - 39 tahun

   c. 40 - 49 tahun

   d. 50 tahun ke atas

4. Kategori

a. DG6

b. DG5

c. DG4

d. DG3

5. Kelulusan akademik tertinggi

a. SPM/MCE/SPVM

b. STPM/HSC

c. Diploma

d. Ijazah

6. Kelulusan profesional tertinggi

a. Sijil Perguruan

b. Diploma Pendidikan

c. Ijazah Pendidikan

d. Lain-lain (Nyatakan ..................)

7. Pengalaman mengajar

a. Kurang dari 3 tahun

b. 4 tahun - 7 tahun

c. 8 tahun - 11 tahun

d. 12 tahun ke atas

8. Nyatakan jawatan anda di sekolah sekarang

____________________________________

9. Mata pelajaran dan tingkatan yang diajar.

| | Matapelajaran | Tingkatan |
|---|---|---|
| 1. | ____________ | _______ |
| 2. | ____________ | _______ |
| 3. | ____________ | _______ |

10. Jenis kursus dalam perkhidmatan yang pernah dihadiri. Sila nyatakan

____________________________________

____________________________________

____________________________________

11. Pernahkah anda diselia pengajaran sewaktu anda mengajar

a. Ya

b. Tidak

12. Jika 'ya', kekerapan anda diselia

a. Lebih daripada 5 kali

b. 3 hingga 4 kali

c. 1 hingga 2 kali

13. Jika 'ya' penyeliaan oleh :

(boleh tanda lebih daripada satu)

a. Jemaah Nazir Persekutuan

b. Pegawai Pendidikan Daerah

c. Pegawai Pusat Perkembagan Kurikulum

d. Pengetua/Guru Penolong Kanan/ Guru Kanan/Ketua Bidang

14. Apa yang anda faham mengenai penyeliaan.

(boleh tanda lebih dari satu)

a. Penyeliaan harus dilihat dari sudut yang membina

b. Penyeliaan adalah untuk meningkatkan prestasi pengajaran guru

c. Penyeliaan bukan untuk mencari kelemahan dan kesalahan guru.

d. Penyeliaan penting untuk guru-guru yang bermasalah sahaja.

e. Penyeliaan penting untuk proses kenaikan pangkat sahaja.

## Bahagian II

Di bawah ini disenaraikan soalan-soalan yang bertujuan untuk meninjau persepsi guru terhadap penyeliaan yang dijalankan di sekolah.

Arahan : Sila bulatkan angka bertepatan dengan jawapan berdasarkan lima kategori jawapan yang disediakan.

1. Sangat tidak setuju
2. Tidak setuju
3. Tidak pasti
4. Setuju
5. Sangat setuju

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Penyeliaan adalah berguna dalam proses pencapaian matlamat kurikulum seperti yang dirancangkan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 2. | Penyeliaan dapat menyampaikan maklumat terkini kepada guru tentang kaedah terkini dalam meningkatkan kaedah pengajaran. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 3. | Penyeliaan dapat mempertingkatkan mutu pengajaran-pembelajaran melalui dapatan dan cadangan tentang pengurusan dan aspek pengajaran. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 4. | Penyeliaan yang bersistematik tidak membebankan guru-guru. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 5. | Penyeliaan dapat membantu guru dalam mengenalpasti kehendak dan melaksanakan kurikulum di sekolah. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 6. | Penyeliaan dapat membantu guru dalam membina keyakinan sewaktu pengajaran. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 7. | Penyeliaan dapat membantu guru dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan pengajaran dan pelaksanaan kurikulum. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 8. | Penyeliaan adalah perlu bagi mempastikan objektif pengajaran tercapai. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 9. | Penyeliaan dapat membantu guru merancang pengajaran bagi tujuan mencapai matlamat yang dikehendaki. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 10. | Penyeliaan dapat menggalakkan guru-guru menggunakan dan mengembangkan cara pengajaran mereka yang tersendiri. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 11. | Penyeliaan pengajaran oleh penyelia dalam kelas tidak menyebabkan guru merasa cemas dan tidak mengganggu pengajaran guru. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 12. | Penyelia perlu mempunyai kemahiran dalam aspek penyeliaan sebelum penyeliaan dijalankan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 13. | Hubungan mesra di antara penyelia - guru adalah penting dalam proses penyeliaan pengajaran. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 14. | Penyeliaan berkesan dapat membantu guru dalam penggunaan bahan, strategi dan kaedah pengajaran. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 15. | Guru yang baru mengajar perlu lebih kerap diselia berbanding guru yang telah lama mengajar. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 16. | Pengetua sebagai pemimpin pengajaran di sekolah amat sesuai menjalankan penyeliaan di sekolah. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 17. | Guru perlu diberi peluang dan diajak berbincang mengenai aspek-aspek yang hendak diselia sebelum penyeliaan dibuat. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 18. | Menentukan kelas dan mata pelajaran yang hendak diajar bagi tujuan penyeliaan adalah penting sebelum penyeliaan dijalankan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 19. | Memaklumkan kepada guru-guru lain tentang hasil penyeliaan adalah perlu untuk meningkatkan pengajaran. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 20. | Sebelum penyeliaan dijalankan, guru lebih suka penyelia berbincang terlebih dahulu tentang pengajaran yang hendak dijalankan. (konferensi sebelum penyeliaan) | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 21. | Semasa penyeliaan, aspek-aspek seperti teknik pengajaran, penyoalan, komunikasi antara guru, murid dan set induksi perlu diberi perhatian (penyeliaan semasa pengajaran dalam kelas). | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 22. | Selepas penyeliaan pengajaran, data-data yang diperolehi dapat membantu meningkatkan lagi proses pengajaran. (membuat analisis data dari penyeliaan) | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 23. | Selepas penyeliaan, guru lebih suka diajak berbincang tentang kelemahan dan kekuatan pengajaran semasa penyeliaan dijalankan. (Konferensi antara penyelia-guru selepas penyeliaan) | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 24. | Penyeliaan pengajaran dalam kelas bukan bertujuan untuk mencari kelemahan dan kesalahan guru semata-mata. (Konferensi selepas penyeliaan-analisis penyelia tentang peranan penyeliaan) | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 25. | Guru lebih suka penyeliaan yang berterusan mengikut fasa-fasa di atas (lima fasa)<br><br>- Konferensi sebelum penyeliaan.<br>- Penyeliaan pengajaran dalam kelas.<br>- Membuat analisis dapatan penyeliaan.<br>- Konferensi antara penyelia-guru selepas penyeliaan.<br>- Konferensi selepas penyeliaan-analisis penyelia tentang peranan penyeliaan. | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |

**Bahagian III**

Bahagian ini ingin mendapatkan cadangan-cadangan daripada cikgu tentang penyeliaan pengajaran di sekolah.

1. Pada pandangan cikgu, apakah yang cikgu harapkan daripada penyeliaan pengajaran yang dijalankan oleh penyelia di sekolah?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

2. Cadangan cikgu tentang aspek-aspek yang perlu diberi perhatian oleh Penyelia untuk membolehkan penyeliaan pengajaran dijalankan secara lebih berkesan.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

3. Tentang penyeliaan lalu oleh penyelia, adakah cikgu berpuashati dengan prosedur dan ulasan-ulasan yang dibuat selepas penyeliaan dijalankan olehnya. Nyatakan sebabnya.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

4. Mengikut pendapat anda, siapakah yang layak menjalankan penyeliaan pengajaran anda?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

**DIUCAPKAN TERIMA KASIH DI ATAS KERJASAMA CIKGU**